

Laporan Tahunan 2003



Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutua



Kandungan

Visi, Misi dan Objektif	2
Strategi-strategi FAMA	3
Piagam Pelanggan	4
Lembaga Pengarah FAMA 2003	6
Pengurusan Kanan FAMA	8
Struktur Organisasi FAMA 2003	10
Pejabat-pejabat FAMA	11
Takwim Peristiwa Tahun 2003	12
Kenyataan Pengerusi	16
Latar Belakang	18
Senario Pasaran Makanan Tahun 2003	19
Tumpuan Projek FAMA 2003	20
Program dan Kegiatan	
Pembangunan Pemasaran Produk Segar	22
• Buah-buahan	22
• Sayur-sayuran	23
• Florikultur dan Eksport	24
• Ternakan dan Akuakultur	25
Pemasaran Produk Proses	26
• Edaran Barangan Proses dan Pengilangan IKS	25
• Bijirin dan Herba	26
Pembangunan Institusi Pasaran	27
• Terminal Makanan Negara	27
• Pasar Tani	27
• Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	27
Hal Ehwal Korporat	28
Perisikan Pasaran	29
• Pengumpulan Maklumat	29
• Penyebaran Maklumat	29
• Penggunaan ICT	30
Pengembangan dan Kualiti Pasaran	30
• Pengembangan Pasaran	30
• Kawalan Pasaran	30
Operasi Anak Syarikat	31
Pengurusan	31
• Pembangunan Sumber Manusia	31
• Kejuruteraan	32
• Perjawatan	32
Kewangan	32
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003	
Sijil Ketua Audit Negara	34
Kumpulan Akaun FAMA	37



Visi, Misi dan Objektif

Visi

Transformasi pertanian ke sektor yang moden, dinamik dan bersaing melalui pemasaran yang cekap dan berkesan.

Misi

Menjadi sebuah agensi pemasaran pertanian bertaraf dunia dengan menyediakan perkhidmatan perisikan pasaran, pengiklanan dan promosi, pengedaran produk pertanian dan makanan di pasaran dalam negeri dan global, berteraskan pengetahuan dan kemajuan teknologi terkini.

Objektif

- i. Merealisasikan Wawasan Negara dan Dasar Pertanian Negara Ketiga untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar utama makanan dunia melalui kecekapan dan keberkesanan pemasaran produk pertanian dan makanan.
- ii. Menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur pemasaran bagi membangunkan industri pertanian dan produk makanan Malaysia terutama dalam menghadapi cabaran alaf baru.
- iii. Mengiklan dan mempromosi produk pertanian dan makanan di pasaran dalam dan luar negara secara lebih agresif dan profesional dengan menjadikan jenama Malaysia diterima kerana nilai kualiti dan imej.
- iv. Membangunkan keupayaan sumber manusia dalam pemasaran pertanian berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini; dan
- v. Menjadi agensi utama dalam pembangunan pertanian negara.

Strategi-strategi FAMA

Strategi FAMA diatur menurut strategi Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) seperti berikut:-

a. Meningkatkan Sekuriti Makanan dan Mengawal Inflasi:

- Pengukuhan sistem pemborongan dengan meningkatkan perisian dan perkakasan pasar borong melalui **Terminal Makanan Negara (TEMAN)** yang berperanan sebagai nukleus kepada pembangunan pemasaran hortikultur.
- Pengukuhan bekalan hasil tani melalui **Ladang Kontrak** dan **Peningkatan Logistik Ladang**.
- **Pengedaran makanan negara** secara langsung melalui pembiayaan **Modal Pusingan** kepada FAMA.
- Peningkatan penglibatan pengeluar dalam pemasaran melalui **jualan terus** dengan perluasan Pasar Tani, Gerai Runcit dan Pusat Jualan Borong.
- Pengukuhan **sistem risikan pasaran** dalam dan luar negeri melalui penyelarasan, pengumpulan, penganalisan dan penyebaran maklumat bekalan, permintaan, import dan eksport serta analisis situasi pasaran.
- Pengukuhan program **promosi dalam negeri** terus ditingkatkan dengan tumpuan yang lebih kepada kumpulan sasar.

b. Meningkatkan Produktiviti:

- **Pembangunan produk** melalui peningkatan kualiti, penggredan, penjenamaan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan persembahan produk.
- **Pembangunan Industri Makanan Kecil dan Sederhana (IKS)** melalui bimbingan dan penambahan ruang pasaran kepada pengeluar dan pemproses.
- **Pengembangan pasaran** melalui bimbingan dan latihan kepada petani dan perantara pasaran.

c. Meningkatkan Pelaburan Sektor Swasta:

- Pengukuhan penglibatan pihak swasta dalam industri makanan melalui pemusatan kegiatan pemprosesan berskala ekonomi melalui **Taman Kekal Pengeluaran Makanan** dan kegiatan pengedaran makanan melalui **Terminal Makanan Negara**.

d. Meningkatkan Eksport Pertanian:

- Peningkatan saiz pasaran melalui **promosi pasaran luar negara**, **pengukuhan maklumat pasaran**, **pembangunan produk** dan **perkongsian strategik** dengan pengimport-pengimport.
- Pengukuhan pasaran eksport melalui bimbingan kepada pengeksport-pengeksport.

e. Pembangunan Sumber Manusia

- Peningkatan **kemahiran** melalui latihan dan kemajuan kerjaya.
- Pengukuhan logistik latihan melalui **Institut Latihan FAMA**.

f. Rasionalisasi Institusi Kerajaan

- **Perkongsian pintar** dengan sektor swasta.
- **Memperkuhkan perkhidmatan pasaran** untuk sektor awam dan swasta.

Piagam Pelanggan

Khidmat Pemasaran

Kami berusaha memasarkan bagi pihak pekebun-pekebun kecil hasil pertanian yang berkualiti mengikut harga pasaran pada masa tersebut dalam tempoh maksimum 2 hari dari tarikh penerimaan permohonan. Perkhidmatan seperti ini ialah untuk hasil-hasil pertanian di bawah tanggungjawab FAMA.

Perkhidmatan Maklumat Pasaran

Kami akan membekalkan maklumat pasaran yang terkini bagi hasil-hasil pertanian yang terpilih dalam tempoh maksimum 2 hari untuk memenuhi keperluan kumpulan sasaran semasa membuat keputusan pemasaran.

Permohonan Permit Import atau Eksport

Sesuatu permohonan untuk mendapatkan permit import atau eksport di bawah tanggungjawab FAMA akan diputuskan dalam tempoh maksimum 2 hari, untuk permit import atau eksport barangan yang mempunyai syarat-syarat khas di mana akan diputuskan dalam tempoh 6 minggu dari tarikh penerimaan permohonan.

Permohonan Lesen

Di mana urusan pembelian sesuatu hasil pertanian itu memerlukan lesen, permohonan untuk mendapatkan lesen tersebut (yang sah untuk setahun) akan diputuskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permohonan. Pembaharuan lesen tersebut selanjutnya tiap-tiap tahun akan diputuskan dalam masa 2 minggu.

Permohonan Sijil Pemeriksaan

Kami bersedia melaksanakan pemeriksaan mutu buah-buahan yang hendak dieksport dan mengeluarkan Sijil Pemeriksaan dalam tempoh maksimum 2 hari dari tarikh penerimaan permohonan.

Permohonan Penyertaan Dalam Pasar Tani

Semua permohonan untuk menyertai pasar tani akan diputuskan dalam tempoh 3 minggu dari tarikh permohonan diterima.

- **Khidmat Pemasaran**
- **Perkhidmatan Maklumat Pasaran**
- **Permohonan Permit Import atau Eksport**
- **Permohonan Lesen**
- **Permohonan Sijil Pemeriksaan**
- **Permohonan Penyertaan Dalam Pasar Tani**

“PEMASARAN BERKUALITI BUDAYA KAMI”



- **Lembaga Pengarah FAMA 2003**
- **Pengurusan Kanan FAMA 2003**
- **Struktur Organisasi FAMA 2003**
- **Pejabat-pejabat FAMA**
- **Taqwim Peristiwa Tahun 2003**

Lembaga Pengarah FAMA 2003

Pengerusi FAMA

Y.Bhg. Encik Azizi Meor Ngah

Ketua Pengarah

Y.Bhg. Dato' Wan Ibrahim Wan Daud

Ahli Lembaga

Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid Abd. Rahman

Ahli Lembaga

Y.Bhg. Dato' Shazalli Ramly

Ahli Lembaga

Y.B. Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar

Wakil Kementerian Pertanian

Encik Sukandar Abdul Latif

Ahli Lembaga

Tuan Haji Ismail Hasbollah

Wakil Lembaga Pertubuhan Peladang

Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain

Wakil Jabatan Pertanian

Y.Bhg. Datuk Abd. Kadir Abd. Hadi

Wakil Kementerian Perusahaan Utama

Y.Bhg. Dato' Suboh Mohd. Yassin

Wakil Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

Puan Patricia Chia Yoon Moi

Wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI)

Encik Ismail Saleh

Wakil Kementerian Kewangan

Encik Uzailee Abdul Latif

Pengerusi FAMA



Y.Bhg. Encik Azizi Meor Ngah

Ketua Pengarah



Y.Bhg. Dato' Wan Ibrahim Wan Daud

Ahli Lembaga



Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid
Abd. Rahman



Y.Bhg. Dato' Shazalli Ramly



Y.B. Datuk Wan Junaidi
Tuanku Jaafar



Tuan Haji Ismail Hasbollah

Wakil Agensi



Encik Sukandar Abdul Latif



Y.Bhg. Dato' Nozir Ahmad Hussain



Y.Bhg. Datuk Abd. Kadir
Abd. Hadi



Y.Bhg. Dato' Suboh
Mohd. Yassin



Puan Patricia Chia Yoon Moi



Encik Ismail Saleh



Encik Uzailee Abdul Latif

Pengurusan Kanan FAMA

Ketua Pengarah

Y.Bhg. Dato' Wan Ibrahim Wan Daud

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sokongan

Tuan Haji Haron A. Rahim

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Pasaran

Tuan Haji Mohamed Shariff Abd. Aziz

Pengarah Kanan Bahagian Informasi, Komunikasi dan Teknologi

Tuan Haji Samah Hasan

Pengarah Kanan Pembangunan Institusi Pasaran

Tuan Haji Sahbani Saimin

Pengarah Kanan Bahagian Galakan, Pengembangan dan Pembangunan Kualiti

Puan Hajjah Khafiah Rose

Pengarah Kanan Bahagian Perancang dan Kawalan Kewangan

Tuan Haji Nordin Ahmat

Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan

Encik Berahun Sakimom

Pengarah Kanan Bahagian Pemasaran Produk Proses

Puan Mariam Lebam

Pengarah Kanan Bahagian Pemasaran Produk Segar

Encik Mukhtar Singh

Pengarah Kanan Bahagian Perancang Korporat

Encik Lee Teck Loong



Y.Bhg. Dato' Wan Ibrahim Wan Daud



Tuan Haji Haron A. Rahim



Tuan Haji Mohamed Shariff Abd. Aziz



Tuan Haji Samah Hasan



Tuan Haji Sahbani Saimin



Puan Hajjah Khafiah Rose



Tuan Haji Nordin Ahmat



Encik Berahun Sakimom



Puan Mariam Lebam




Encik Mukhtar Singh



Encik Lee Teck Loong

Struktur Organisasi FAMA 2003



Pejabat-pejabat FAMA

Ibu Pejabat FAMA

Bangunan FAMA Point
Lot 17304, Jalan Persiaran Satu
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 – 6138 9622
Fax : 03 – 6138 3650 / 5200

Pejabat FAMA Negeri Perlis

No. 22, 24 & 26, Tingkat Atas,
Jalan Simpang Tiga
Taman Sena Indah, Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04 – 976 5615
Fax : 04 – 976 0564

Pejabat FAMA Negeri Kedah

Lot 1276, Kawasan Perusahaan Mergong
Jalan Perak
05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel : 04 – 731 9344 / 103 / 190
Fax : 04 – 733 5154 / 6601

Pejabat FAMA Negeri Pulau Pinang

No. 2442, Tingkat Perusahaan 1
Kawasan Perusahaan Perai
13600 Perai, Pulau Pinang.
Tel : 04 – 390 7886 / 7222 / 7970
Fax : 04 – 390 8107

Pejabat FAMA Negeri Perak

Tingkat 9, Bangunan KWSP
Jalan Hospital
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05 – 254 6322 / 254 6684
Fax : 05 – 241 6545

Pejabat FAMA Negeri Selangor

No. 12-01, Tingkat 12, Plaza Masalam
Jalan Tengku Ampuan Zabedah
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 – 5511 8114 / 5 / 6 / 7
Fax : 03 – 5511 8124

Pejabat FAMA Negeri Sembilan

Tingkat 5, Bangunan Yayasan Negeri
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06 – 763 5797 / 763 / 762 1452
Fax : 06 – 763 7466 / 6454

Pejabat FAMA Negeri Melaka

Lot 73, Jalan Usaha 12
Kawasan Perindustrian Air Keroh
Peti Surat 362, Pejabat Pos Besar Melaka
75760 Melaka.
Tel : 06 – 231 2760 / 9650
Fax : 06 – 231 7172

Pejabat FAMA Negeri Pahang

Kilometer 9, Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09 – 536 6110 / 3 / 4 / 5
Fax : 09 – 536 6109

Pejabat FAMA Negeri Johor

Km 8, Jalan Tun Abdul Razak, Susur 6
Peti Surat 25
80700 Johor Baru, Johor Darul Takzim.
Tel : 07 – 234 1185 / 86 / 87
Fax : 07 – 234 1182

Pejabat FAMA Negeri Terengganu

Tingkat U3, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
Tel : 09 – 622 4144 / 4191
Fax : 09 – 622 1606

Pejabat FAMA Negeri Kelantan

Kompleks Bilik Sejuk FAMA
Jalan Dato' Lundang
15200 Kota Baharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09 – 748 2431 / 2557 / 6548
Fax : 09 – 744 3030

Pejabat FAMA Negeri Sarawak

Lot 1003 – 1005, Seksyen 65,
KTLD Jalan Jawa
Kampung Pinang Jawa Matang,
P.O. Box 1929
93738 Kuching, Sarawak.
Tel : 082 – 422 578 / 414 744
Fax : 082 – 244 551

Pejabat FAMA Negeri Sabah

Tingkat 12, Wisma Bandaraya
Jalan Padang
88000 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088 – 225 741 / 742
Fax : 088 – 223 526

Pejabat FAMA Wilayah Persekutuan Labuan

No. 28, Tingkat 1, Fasa Dua
Legenda Commercial Center
Jalan Tun Mustapha
P.O. Box 81781
87008 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087 – 413 544
Fax : 087 – 423 100

Institut Latihan FAMA Port Dickson

Lot 1655, Batu 12, Kg. Teluk Pelandok
Jalan Pantai, Mukim Pasir Panjang
71050 Port Dickson,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : 06 – 662 6212
Fax : 06 – 662 5608

FAMA Corporation Sdn Bhd

No. 3 & 5, Jalan 2/8, Dataran Templer
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 – 6135 1301
Fax : 03 – 6135 1310

Taqwim Peristiwa Tahun 2003

TARIKH	PERISTIWA
27 Januari 2003	Majlis Menandatangani Perjanjian <i>Concessionaire</i> di antara FAMA & GIANT di Bilik Latihan FAMA Point.
18 - 20 Februari 2003	<i>Investment Promotion Workshop On National Food Terminal (TEMAN)</i> di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.
27 Februari 2003	<i>Showcase Malaysia</i> sempena Persidangan NAM di PWTC, Kuala Lumpur.
13 Mac 2003	Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi di Hotel Quality, Shah Alam.
April	Bengkel Pembangunan Pembekal ke Rangkaian Supermarket Giant di Subang Jaya.
7 Mei 2003	Lawatan Usahawan Tani Bumiputera (KUAT) ke Ibu Pejabat FAMA.



27 Januari 2003



18 - 20 Februari 2003



27 Februari 2003



13 Mac 2003



April

Taqwim Peristiwa Tahun 2003

TARIKH	PERISTIWA
26 Jun 2003	Pameran/Jualan Produk AgroMas sempena EKNA 2003 di Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur.
4 Jun 2003	Pameran <i>Packaging Design</i> di Wisma Tani, Kementerian Pertanian.
20 Jun 2003	Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan & Kebajikan FAMA Ke 28 di Bilik Latihan FAMA Point.
23 Jun 2003	Majlis Pelancaran MoA Incorporated Kementerian Pertanian Malaysia di PWTC, Kuala Lumpur.
25 - 27 Julai 2003	Jualan Produk AgroMas dan Buah-buahan di Pameran Gerakan Daya Wawasan di PWTC, Kuala Lumpur.
5 Ogos 2003	Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Khidmat Setia FAMA 2003 Zon Timur di Hotel Renaissance, Kota Bharu.



7 Mei 2003



26 Jun 2003



4 Jun 2003



23 Jun 2003



25 - 27 Julai 2003

Taqwim Peristiwa Tahun 2003

TARIKH	PERISTIWA
11 Ogos 2003	Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Khidmat Setia FAMA 2003 Zon Selatan di Hotel Eden Garden, Johor Bahru.
22 November 2003	Pasar Tani Khas sempena Sambutan Perayaan Hari Raya Aidilfitri di Pasar Tani Kelana Jaya.
12 Disember 2003	Seminar Peluang-peluang Pengedaran Produk AgroMas & IKS Terpilih Peringkat Kebangsaan di Hotel Sheraton, P. Pinang.
12 Disember 2003	Pelancaran <i>Malaysia-Agri Food Marketing Directory</i> di Hotel Sheraton, P. Pinang.
29 Disember 2003	Majlis Persaraan Ketua Pengarah FAMA, Dato' Wan Ibrahim Wan Daud.



5 Ogos 2003



22 November 2003



12 Disember 2003




12 Disember 2003



29 Disember 2003



- **Kenyataan Pengerusi**
- **Latar Belakang**
- **Senario Pasaran Makanan Tahun 2003**
- **Tumpuan Projek FAMA 2003**



Kenyataan Pengerusi

Assalamualaikum dan salam sejahtera,
Program dan aktiviti FAMA sepanjang tahun 2003 adalah lanjutan dan sambungan daripada tahun sebelumnya. Antara tumpuan yang dikhususkan dalam tahun 2003 ialah pengurusan rantai bekalan, memperkukuhkan perkhidmatan maklumat pasaran dan perkhidmatan sokongan. Ini adalah diasaskan kepada kefahaman bahawa program khidmat pemasaran adalah salah satu komponen terpenting dalam rantai kegiatan pertanian yang mempengaruhi kejayaan sektor ini.

Tahun 2003 menyaksikan beberapa perubahan dalam perjawatan di kalangan warga FAMA. Ia melibatkan pengwujudkan cawangan baru atau unit baru, pertukaran tempat, kenaikan pangkat, penyusunan semula cawangan dan penjawat serta lantikan baru dibuat bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan. Siri-siri kursus, induksi dan orientasi pekerjaan juga telah dilaksanakan bagi menyesuaikan kepada keadaan persekitaran dan keperluan semasa.

“ tumpuan yang dikhususkan dalam tahun 2003 ialah pengurusan rantai bekalan, memperkukuhkan perkhidmatan maklumat pasaran dan perkhidmatan sokongan ”

Senario Pasaran Makanan Tahun 2003

Saiz pasaran industri makanan negara bagi tahun 2003 dianggarkan bernilai RM47 billion dengan kadar pertumbuhan 10% dari tahun sebelumnya. Komponen pasaran makanan ini terbahagi kepada tiga iaitu: makanan segar RM19 billion atau 39% dari jumlah pasaran, diikuti oleh makanan proses RM15 billion (32%) dan perkhidmatan RM13 billion (28%).

Pada tempoh 2000 - 2005 pertumbuhan yang tinggi untuk sektor pertanian ditetapkan untuk menjana sasaran nilai jualan sebanyak RM81.4 billion. Pertanian adalah tunggak kepada pembekalan makanan dan bahan mentah industri dengan corak pengeluaran yang moden. Sektor pertanian adalah teras kepada pembangunan negara.

Pertanian adalah tunggak kepada pembekalan makanan dan bahan mentah industri dengan corak pengeluaran yang moden

Sehubungan dengan itu pengukuhan semula jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian terus dilaksanakan bagi membolehkan cita-cita negara tercapai. FAMA adalah salah satu agensi yang diperkukuhkan dengan sumber kewangan dan keupayaan sumber manusianya. Perkara ini adalah penting bagi FAMA menyiapkan diri ke arah peranan baru dalam transformasi pertanian. Perubahan dan keperluan semasa seperti adanya AFTA, WTO, liberalisasi serta globalisasi yang mana FAMA harus berperanan dalam persekitaran dan cabaran baru. Dengan semangat MoA Inc., peranan FAMA dalam menentukan piawaian mutu dan pengedaran adalah penting. Semua ini perlu digarap agar ia membolehkan FAMA menjadi agensi pemasaran yang cemerlang.



Tumpuan Projek FAMA 2003

Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pemasaran pertanian, FAMA telah diamanahkan untuk menyediakan infrastruktur yang sesuai bagi memantapkan kegiatan pemasaran tersebut. Antara tugas utama FAMA adalah sebagai fasilitator pasaran dan tugas ini memerlukan penyediaan piawaian untuk tujuan tersebut. FAMA telah menyenaraikan keperluan bagi membina TEMAN, AgriXchange, penjenamaan Malaysia's Best dan Pasar Tani Alaf Baru serta pembangunan kepakaran dalam melaksanakannya.

Perisikan pasaran masih merupakan fungsi utama kepada keberkesanan pemasaran yang berkesan. Pengumpulan, analisis, perkongsian dan penyebaran maklumat pasaran dilaksanakan dengan lebih meluas skop dan liputannya. Khidmat perisikan pasaran meliputi maklumat bekalan, maklumat permintaan, kajian dan potensi pasaran, kos dan margin pemasaran. Keutamaan diberikan kepada peningkatan dayasaing perusahaan tani. FAMA telah mewujudkan sistem GEOMIS, iaitu sistem aplikasi GIS, yang mengandungi integrasi data pelbagai format elemen pasaran bagi membantu membuat keputusan dalam pemasaran.

FAMA juga telah terlibat dengan ladang kontrak, pengredan, pelabelan dan pembungkusan, Projek TEMAN, Pusat Pemeriksaan Makanan dan Rumah Pembungkusan. Usaha pengukuhan FAMA telah dilaksanakan melalui projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

FAMA telah mewujudkan sistem GEOMIS iaitu sistem aplikasi GIS yang mengandungi integrasi data pelbagai format elemen pasaran bagi membantu membuat keputusan dalam pemasaran



Ladang Kontrak Cili Merah di Setiu Terengganu



Pengumpulan dan pengasingan cili merah dilakukan sebelum dipasarkan



• Program dan Kegiatan

Pembangunan Pemasaran Produk Segar



Pemasaran buah-buahan segar di TESCO

Buah-buahan

Urusniaga buah-buahan adalah salah satu daripada kegiatan utama FAMA bagi menambah ruang pasaran kepada petani. Pembekalan buah-buahan yang berkualiti untuk tujuan eksport juga dijalankan. Program ladang kontrak buah-buahan diteruskan pada tahun ini bertujuan bagi memastikan FAMA memperolehi bekalan yang terjamin bagi buah-buahan segar yang berkualiti. Saluran ruang pasaran institusi adalah terdiri dari pasaraya dan pasar besar yang telah menambahkan ruang pasaran selain dari kegiatan pemborongan dan peruncitan.

Pesta-pesta jualan buah-buahan juga telah diadakan, terutama bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan yang musimnya sedang memuncak. Secara keseluruhan, nilai jualan mencapai RM7.5 juta, berbanding RM6.5 juta untuk tahun 2002. Nilai ini telah meningkat sebanyak 15% daripada jualan tahun 2002.

Peningkatan nilai jualan domestik dalam tahun 2003 berbanding dengan 2002 adalah disebabkan oleh pengukuhan pasaran ke pasaraya atau *hypermarket*. Sebanyak lima buah pasaraya besar telah membuka ruang pasarnya bagi kemasukan bekalan buah daripada FAMA, iaitu TESCO, TOPS, Aktif-Lifestyle, Jaya Jusco dan Giant.

Sebahagian besar, iaitu sebanyak 70%, daripada bekalan yang diurusniagakan adalah diperolehi dari ladang kontrak di bawah program kontrak pemasaran di antara FAMA dengan pengeluar di seluruh negara, manakala 15% daripada projek MOA Inc, dan sebanyak 15% daripada pihak swasta dan lain-lain. Seramai 369 orang perseorangan dan petani berkelompok telah terlibat dalam kontrak pemasaran yang melibatkan keluasan tanaman pelbagai buah-buahan seluas 620.7 hektar.



Segar dan berkualiti tembikai susu yang dihasilkan dari Ladang Kontrak Kampung Gong Kulim, Pasir Putih Kelantan

Secara amnya, kegiatan disasarkan mengikut corak urusniaga pemasaran buah-buahan yang terdapat dalam negara ini. Aktiviti pemborongan yang menyumbang 70% jualan merupakan nadi kepada urusniaga FAMA banyak dijalankan berdasarkan kepada sumber bekalan buah yang disalurkan oleh FAMA negeri dari ladang kontrak mereka. Kebanyakan hasil pertanian yang dihantar oleh FAMA Negeri disalurkan ke Pasar Borong Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Alor Setar.



Jualan Buah-buahan semasa pameran/ekspo

Pembekalan ke institusi pasaran seperti TESCO, GIANT dan lain-lain mencatat 20% dari jumlah keseluruhan jualan. Manakala jualan runcit berkisar kepada jualan di pasar tani, ekspo atau pesta jualan yang dianjurkan oleh FAMA, swasta, sekolah, kementerian dan pihak berkuasa tempatan menyumbang sebanyak 10% daripada jualan.

Sayur-sayuran

Unjuran pendapatan daripada urusniaga sayur-sayuran pada tahun ini telah meningkat sebanyak 30% daripada RM6 juta pada tahun 2002 kepada RM7.8 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh pengukuhan pada jualan borong dan pembekalan pada institusi. Sektor pemborongan masih menjadi teras kepada urusniaga sayur-sayuran di mana ia menyumbang sebanyak 80% dari keseluruhan jualan. Selebihnya adalah dari pembekalan kepada institusi (10%) dan peruncitan (10%).

Manakala dari segi bekalan sayur-sayuran, pihak FAMA mendapat bekalan dari MOA Inc. (40%), ladang kontrak atau kontrak pemasaran dengan petani (40%), ladang persendirian (15%) dan selebihnya dari pengimport (5%). Sejumlah 665 petani dengan keluasan 845.3 hektar telah terlibat dengan program urusniaga sayuran FAMA melalui program ladang kontrak.



Ladang Kontrak Labu Madu di Setiu Terengganu

Dari segi pembangunan, sebanyak 20 jenis sayur telah diberi keutamaan termasuk memperbaiki persembahan melalui pembungkusan, pelabelan dan penggredan. Kaedah ini berjaya mengurangkan kadar kerosakan lepas tuai di peringkat ladang, borong, runcit dan eksport. Pembungkusan menggunakan jaring untuk berat 20 kg disyorkan bagi labu manis, keledak, limau nipis dan serai. Manakala pembungkusan kotak plastik untuk berat 10 kg disyorkan untuk cili merah, tomato, salad dan terung bulat. Perkara ini berjaya dilaksanakan dan diterima khususnya bagi pemborongan di Pasar Borong Kuala Lumpur. Pihak FAMA juga telah mengeluarkan buku 'Panduan Pembungkusan Sayur-sayuran' dan 'Panduan Pelaksanaan Kontrak Pemasaran Sayur-sayuran'.



Pemborongan Labu Madu di Pasar Borong Kuala Lumpur

Sektor pemborongan masih menjadi teras kepada urusniaga sayur-sayuran di mana ia menyumbang sebanyak 80% dari keseluruhan jualan

Florikultur dan Eksport

Kegiatan eksport mensasarkan pertumbuhan dalam perolehan berasaskan pertanian dengan kepelbagaian komoditi, kuantiti dan luang pasaran. Objektif utama ialah meluaskan luang pasaran antarabangsa bagi hasil pertanian melalui aktiviti urusniaga eksport di samping menjadi sumber pembelian yang penting dan berperanan bersaing dengan peniaga-peniaga lain untuk menawarkan harga kompetitif bagi hasil-hasil petani serta kegiatan pembangunan untuk meningkatkan kualiti dan daya saing. Nilai jualan dari eksport buah-buahan ialah RM2.94 juta berbanding RM2.58 juta dalam tahun 2002. Peningkatan ini adalah 14% berbanding dengan jualan tahun 2002.

Buah-buahan menjadi komoditi eksport yang utama berbanding dengan sayur-sayuran, ternakan dan barangan proses. Belimbing mengatasi buah-buahan lain untuk pasaran eksport. Buah-buahan yang dieksport terdiri dari belimbing (98%), pomelo (1%) dan lain-lain terdiri dari



cepedak, rambutan, manggis, betik eksotika, jambu batu, pulasan dan nangka (1%). Netherlands adalah pusat hantaran eksport di Eropah sebelum dihantar ke beberapa negara lain seperti Sweden, Sepanyol, Denmark dan Jerman. Penerokaan pasaran baru amat penting untuk perluasan pasaran eksport. Langkah seterusnya ialah meneroka pasaran mengikut keutamaan seperti China, India, Eropah Timur, USA, Kanada dan negara-negara ASEAN yang lain.

Penghantaran melalui udara masih menjadi cara utama kerana tempoh masa yang diambil adalah singkat. Namun ia melibatkan kos yang tinggi. Penghantaran laut dilakukan untuk mengurangkan kos dan seterusnya meningkatkan margin keuntungan dan daya saing. Pada tahun 2003, Cawangan Eksport telah membuat sebanyak 26 hantaran udara dan 48 hantaran laut yang melibatkan 363 tan metrik buah-buahan.



Eksport buah-buahan melalui udara

Aktiviti pembangunan pada tahun ini ditumpukan kepada empat perkara iaitu peningkatan kualiti, pengurangan kos operasi, peningkatan keupayaan penghantaran dan pengendalian lepas tuai. Ujian-ujian simulasi juga dijalankan terhadap pisang mas, durian, mangga cokan dan bunga kekwa. Tujuan ujian ini adalah untuk membolehkan pengeksporan buah melalui laut dengan memberi penekanan kepada teknologi lepas tuai yang berkesan, teknik pembungkusan dan penyimpanan yang sesuai mengikut jenis buah berkenaan. Pusat-pusat operasi eksport yang berdekatan dengan kawasan bekalan telah diwujudkan yang khusus mengendalikan buahan tertentu, iaitu Kompleks Bilik Sejuk (KBS) Selayang untuk semua jenis buah-buahan, KBS Chui Chak mengendalikan betik dan mempelam, KBS Tangkak untuk betik, rambutan, pulasan dan manggis, KBS Simpang Renggam bagi nanas, AMC (pusat pemasaran tani) Jerantut untuk rambutan dan manggis, KBS Labu untuk rambutan dan nangka, KBS Kota Bharu dan AMC Baling untuk rambutan.



Kompleks Bilik Sejuk (KBS) Selayang

Pada keseluruhannya urusan niaga tahun 2003 masih tertumpu kepada komoditi tertentu. Beberapa isu mengenai pengeksporan seperti piawaian EUREP-GAP, bekalan buah dari pusat operasi FAMA yang tidak menepati spesifikasi, luang pasaran dan pengimport yang terhad adalah perlu diselesaikan dalam usaha penerokaan pasaran baru.

Ternakan dan Akuakultur

Penglibatan FAMA dalam urusan niaga ternakan dan akuakultur adalah berteraskan kepada bidang pemborongan (90%) sama seperti buah dan sayur namun skop pembekalan kepada institusi (5%) dan runcit (5%) masih dilaksanakan melalui jualan terus ke kilang, restoran dan pasar-pasar tani.



Pusat Pemasaran Ternakan FAMA di Jerantut

Pada tahun ini, urusan niaga ternakan dan akuakultur menghasilkan pendapatan sebanyak RM4.7 juta berbanding dengan sasaran RM4 juta. Nilai jualan ini meningkat sebanyak 20% (RM0.8 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2002, iaitu sebanyak RM3.9 juta.



Kontrak Pemasaran Ikan Air Tawar di Pahang

Bagi menjamin bekalan yang konsisten dan menepati kualiti, strategi banyak ditumpukan pada ladang kontrak melalui petani individu atau kelompok yang melibatkan 300 peserta manakala selebihnya dari pembekal swasta dan import. Bekalan dari import diperolehi dalam keadaan di mana sumber tempatan tidak mencukupi.

Bagi projek pembangunan pula, tumpuan diberikan kepada empat aspek, iaitu pembinaan dan naik taraf infrastruktur pemasaran yang melibatkan dua pusat memproses, tiga pusat pengumpulan dan pembelian alatan. Manakala bagi program pembungkusan dan pelabelan pihak FAMA telah memperkenalkan penggunaan plastik pembungkusan ayam segar dan pelekat "FAMA Fresh". Percubaan pasaran baru untuk itik proses di Perak dan hasil laut dari Sabah telah dilaksanakan dalam usaha mengukuhkan pasaran dan meneroka pasaran baru. Projek pembangunan juga ditumpukan pada projek MOA Inc. yang melibatkan projek ayam dan udang di Sik, Kedah, ikan air tawar, ayam dan lembu di Titi Tinggi Perlis dan akuakultur di UNISEL, Selangor.

Pemasaran Produk Proses

Edaran Barangan Proses dan Pengilangan IKS

Bagi tahun 2003, cawangan edaran telah berjaya memasarkan barangan proses sebanyak RM9.48 juta. Pecahan jualan ini terdiri daripada barangan AgroMas FAMA sebanyak RM5 juta, RM2.5 juta bagi barangan AgroMas IKS, RM1.4 juta bagi barangan IKS, RM0.23 juta bagi barangan kawalan dan RM0.4 juta bagi input IKS.



Pengedaran Produk Agromas di pasar mini

Fokus segmen pasaran terbahagi kepada empat bahagian iaitu segmen pasaran tradisional yang terdiri daripada 3000 buah pasar mini dan kedai-kedai runcit, segmen pasaran 'key account' yang terdiri daripada 200 buah outlet supermarket dan hypermarket, segmen pasaran institusi yang terdiri daripada 60 buah hotel, resort, restoran dan kantin, serta segmen pasaran kontrak dan perbekalan untuk Lembaga Urusan dan Tabung Haji melalui Penerbangan Malaysia semasa musim haji 2003. Bagi menembusi lebih banyak luang pasaran, cawangan edaran setakat ini telah melantik enam pengedar untuk barangan proses seperti yang terdapat di Sarawak, Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang dan Selangor.

Bagi menyokong pemasaran terhadap produk keluaran usahawan bumiputera pada tahun 2003, sebanyak 10 ekspo dan karnival jualan IKS telah diadakan dan seramai 120 usahawan telah mengambil bahagian dan telah mencatatkan jualan sebanyak RM0.25 juta.

Bijirin dan Herba

Pada tahun 2003, cawangan ini diwujudkan setelah dipisahkan dari cawangan Ternakan, Akuakultur dan Pelbagai. Komoditi yang dipertanggungjawabkan ialah Kelapa, Koko, Kopi, Tebu, Jagung dan Herba. Catatan jualan keseluruhan komoditi pada tahun ini ialah RM1.1 juta berbanding unjuran sebanyak RM1.37 juta. Kelapa merupakan komoditi terpenting yang menyumbangkan sebanyak 67% dari keseluruhan jualan pada tahun ini, bakinya sebanyak 33% adalah lain-lain komoditi. Berikut adalah nilai jualan mengikut komoditi:

Komoditi	Jualan	Peratus
Kelapa	RM 738,705.94	67%
Koko	RM 23,380.93	3%
Kopi	RM 64,324.87	6%
Tebu	RM 59,837.80	5%
Jagung	RM 210,179.70	19%

Kelapa merupakan komoditi terpenting yang menyumbangkan sebanyak 67% dari keseluruhan jualan pada tahun ini, bakinya sebanyak 33% adalah lain-lain komoditi



In-store Promotion Produk Agromas di Pasar Raya Giant Shah Alam

Pembangunan Institusi Pasaran

Terminal Makanan Negara (TEMAN)

Sepanjang tahun 2003, projek Terminal Makanan Negara (TEMAN) di Ipoh, Perak masih di peringkat penyediaan tapak dan pelan bangunan. Manakala bagi projek TEMAN di Kota Bharu, Kelantan dan Ayer Hitam, Johor urusan



Bengkel Promosi Pelaburan TEMAN

pengambilalihan tapak sedang berjalan. Bagi projek TEMAN Alor Setar, Kedah pula, tapak tanah sedang dikenalpasti. Usaha ditumpukan untuk mendapatkan bakal pelabur yang berminat dalam pembangunan projek TEMAN secara penswastaan.

Pasar Tani

Program Pasar Tani adalah selaras dengan matlamat menggalakkan pengwujudan sistem pemasaran selari sebagai usaha mengurangkan peringkat-peringkat pasaran. Melalui program ini, pengeluar mendapat faedah secara langsung seperti memahami kehendak pasaran serta pengguna memperoleh barangan segar dan kepelbagaian barangan pada harga yang munasabah. Penglibatan petani bumiputera juga menyumbang bagi mewujudkan Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera.



Aktiviti jualan di Pasar Tani



Pasar Tani sebagai medan pertemuan pengeluar dan pengguna

Sejumlah 221 buah pasar tani beroperasi berbanding 214 dalam tahun sebelumnya. Di antara pasar tani baru yang dibuka pada tahun 2003 ialah di Seksyen 24, Shah Alam dan Kota Damansara (Selangor), Telok Gong (Melaka), Sandakan dan Kunak (Sabah), Setiawangsa, Danau Kota dan JPJ Wangsa Maju (Kuala Lumpur). Seramai 9177 peserta serta pembantu telah memperolehi jualan RM234 juta dalam tahun 2003 berbanding 8000 peserta dengan nilai jualan RM194 juta dalam tahun 2002. Di bawah program pasar tani juga kemahiran dan kejurujualan peserta ditingkatkan melalui kursus motivasi, keusahawanan dan lawatan untuk belajar.

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Program ini dahulunya dikenali sebagai Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Matlamatnya ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5% menjelang tahun 2005. FAMA telah terlibat dalam projek pertanian, ternakan, pemprosesan, pembangunan usahawan dan latihan kemahiran bagi kumpulan sasaran. Di bawah program penyertaan petani dalam pasaran, baki peruntukan 2002 yang di bawa ke tahun 2003 berjumlah RM371,179 manakala baki wang kumpulan wang PPRT berjumlah RM153,465 menjadikan jumlah peruntukan yang di bawa ke tahun 2003 berjumlah RM524,644.

Melalui program ini, pengeluar mendapat faedah secara langsung seperti memahami kehendak pasaran serta pengguna memperoleh barangan segar dan kepelbagaian barangan pada harga yang munasabah

Projek Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah dijalankan di 11 buah negeri yang mana adalah projek lanjutan dari tahun 2002. Terdapat 62 projek peningkatan pendapatan seperti berikut :

Negeri	Bilangan Projek	Bilangan Peserta
Sabah	11	193
Sarawak	19	165
Kedah	11	126
Perak	7	56
Kelantan	5	14
Terengganu	1	4
N.Sembilan	1	1
Selangor	3	41
Johor	1	5
Perlis	2	20
Pahang	1	2
Jumlah	62	627



Program PPRT Ternakan Puyuh di Jerantut, Pahang

Program Latihan Kemahiran yang diperkenalkan pada tahun 2003 dengan peruntukan RM464,000 bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang-bidang yang dipilih supaya mereka melengkapkan diri mereka untuk membuka perusahaan sendiri atau berupaya menjalankan kegiatan ekonomi yang sesuai dan berisiko rendah. Di bawah program ini, tiga bidang latihan yang dijalankan ialah memproses makanan, pengendalian gerai, restoran dan katering, jahitan pakaian wanita dan hiasan dalaman serta keusahawanan tani. Sebanyak 82% (RM382,270) dari

peruntukan telah dibelanjakan yang melibatkan 77 orang peserta dari Kedah, Perlis, Selangor/W.Persekutuan dan Sabah. Kesemua peserta telah tamat menjalani latihan dalam tempoh 3 bulan.

Hal Ehwal Korporat

Program Korporat bertujuan bagi menjalinkan perhubungan yang berkesan di antara organisasi dengan kumpulan sasaran dan orang ramai amnya. Kumpulan sasaran meliputi pelbagai golongan seperti petani, penternak dan usahawan (terutama IKS), perantara pasaran, pengguna, jabatan atau agensi kerajaan, media massa, institusi swasta dan orang ramai. Sebagai sebuah agensi pemasaran, kegiatan FAMA diadakan bukan sahaja di dalam negara malah melalui kegiatan kemajuan pasaran luar negara dan perhubungan dua hala.



Menyalurkan maklumat FAMA melalui pameran/expo

Objektif utama program Hal Ehwal Korporat ialah berkhidmat untuk memperkasakan imej korporat FAMA dari aspek perhubungan seranta dan awam. Ia meliputi kumpulan sasaran dalam dan luar FAMA bagi menjadikan FAMA sebagai badan korporat utama pemasaran pertanian dan makanan yang menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan makanan negara. Objektif lain termasuk membangun dan memperkukuhkan imej korporat FAMA, menyalurkan maklumat dua hala kepada kumpulan sasaran bagi manfaat bersama dan menyediakan ruang bagi rujukan atau penyelidikan mengenai organisasi FAMA.

Perisikan Pasaran

Maklumat pertanian yang berterusan adalah penting bagi petani, pemasar dan pelabur terutama dalam menghadapi era pasaran global yang mencabar. Menyedari kepentingan maklumat terkini yang lengkap dan tepat, FAMA telah menyusun semula Bahagian Perisikan Pasarannya berdasarkan lima badan seumpamanya yang kecemerlangan program maklumatnya diiktiraf dunia. Tahun 2003 menyaksikan bermulanya pelaksanaan pelan tindakan cadangan pihak perunding yang telah memperakukan perubahan fokus, proses kerja dan struktur bagi memberi impak yang berkesan. Aktiviti-aktiviti telah disusun semula berdasarkan proses kerja, iaitu pengumpulan maklumat, penganalisaan dan penyebaran maklumat yang dilaksanakan melalui empat pasukan utama iaitu:- Cawangan Khidmat Maklumat Pasaran, Cawangan Khidmat Risikan Pasaran, Cawangan Penyebaran dan Pengurusan Hubungan Pelanggan, dan Cawangan Teknologi Maklumat.

Pengumpulan Maklumat

Sepanjang tahun 2003 pengumpulan maklumat harga di peringkat ladang, borong dan runcit telah dijalankan yang melibatkan 14 lokasi utama dan 237 jenis barangan terpilih. Pengumpulan maklumat Shipping Point dijalankan untuk mengetahui kedudukan bekalan sayur-sayuran dan tanaman kontan tempatan dan kedudukan bekalan masuk ke pasaran. Manakala Kajian Terminal Pasaran yang bermatlamat untuk mengetahui punca dan kuantiti sayur-sayuran dan buah-buahan yang masuk ke Pasar Borong, dan pengesanan Musim Buah-Buahan bagi mendapatkan maklumat awal kedudukan bekalan buah-buahan bermusim juga telah dilaksanakan.

Di antara kajian yang telah dijalankan ialah Kajian Penggunaan Isirumah. Ianya bertujuan untuk mengetahui mengenai penggunaan isirumah ke atas bahan-bahan



Pengumpulan maklumat di peringkat ladang

makanan segar, proses dan separuh proses. Kajian ini akan dilaksanakan selama satu tahun, bermula bulan Oktober 2003 hingga bulan Oktober 2004 dan melibatkan 7,000 responden di seluruh negara.

FAMA juga menyediakan kandungan bagi laman web Pusat Perniagaan Pembangunan Makanan yang boleh dicapai melalui www.agribdc.com. Maklumat yang disediakan melibatkan maklumat mengenai analisis pasaran, maklumat perdagangan, maklumat kualiti dan keselamatan makanan, maklumat perniagaan berpotensi, polisi dan insentif, sumber-sumber tanah dan tenaga manusia, pengurusan ladang dan R & D dilaksanakan daripada agensi-agensi pengeluaran dan MARDI. Sebahagian kandungan disediakan dengan kerjasama agensi-agensi dalam Kementerian Pertanian, terutama MARDI.

Penyebaran Maklumat

Bagi meningkatkan kesedaran kumpulan sasaran mengenai maklumat yang disediakan oleh FAMA dan juga untuk mendapatkan maklumbalas mengenai kesesuaian maklumat yang disediakan. Bahagian Perisikan Pasaran telah melaksanakan program 'roadshow' ke seluruh negara. FAMA juga telah memberi tunjuk ajar cara untuk mencapai maklumat yang telah disediakan, melalui laman web agribdc.com yang telah dilancarkan dalam bulan Julai 2003. Sehingga sekarang, sebanyak 120,000 capaian telah direkodkan dengan purata 25,000 capaian sebulan.

Selain daripada itu FAMA juga menerbitkan Tinjauan Pasaran Buah-buahan, Kajian Pasaran Sayur-sayuran, Analisis Industri Ikan Hiasan, Analisis Industri Tuna, Buletin Pasaran dan juga Berita Perisikan Pasaran bagi menyalurkan maklumat kepada kumpulan sasaran di dalam dan di luar FAMA.



Penggunaan ICT

Bahagian Perisikan Pasaran telah mengorak langkah dalam meningkatkan perisian dan kemudahan rangkaian jaringan ICT selari dengan inisiatif kerajaan kepada arah K-Ekonomi bagi meningkatkan kecekapan dalam pengaliran, pemprosesan dan juga penyebaran maklumat.

FAMA telah mengaplikasikan *Geographical Information System (GIS)*, Remote Sensing dan telah menggunakan pakej komputer SAS dalam mewujudkan sistem *data entry*, pemprosesan dan penyediaan laporan.

Sehingga akhir tahun 2003, Sistem Pemadanan Maklumat Bekalan dan Permintaan (SDVI) telah siap dibangunkan bagi menyokong program urusniaga dan memantau kedudukan bekalan dan permintaan.

Pengembangan dan Kualiti Pasaran



Kursus/bengkel di Giant, Shah Alam



Dialog bersama petani

Pengembangan Pasaran

Program ini bertujuan untuk membentuk satu kefahaman di kalangan golongan sasaran mengenai teknik yang paling diterima-pakai ke arah pembangunan kerjaya di kalangan mereka, khususnya mengenai hal ehwal pemasaran. Ini dilakukan dengan memindahkan teknologi melalui peningkatan pengetahuan dan teknik dalam pemasaran pertanian.

Terdapat empat skop kursus yang dijalankan iaitu bidang buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan serta motivasi dan kejurujualan. Dialog dengan golongan sasaran, lawatan ke ladang dan seminar juga diadakan. Golongan sasaran meliputi petani yang terlibat dalam projek MoA Inc., seperti peserta kontrak ladang, projek perdana, TKPM dan pengusaha IKS. Motif kursus ialah pengeluaran berkualiti, pengeluaran memenuhi kehendak pasaran, berterusan dan sebagai pembekal tetap pasaran. Sebanyak 49 kursus telah dijalankan yang melibatkan sejumlah 1916 peserta.



Ketua Pengarah FAMA dan peserta Ladang Kontrak

Peruntukan tahun 2003 yang terhad telah banyak mengurangkan bilangan kursus yang dapat dijalankan.

Di antara bidang yang ditekankan ialah mengenai ehwal pemasaran sayur-sayuran, kursus bercorak motivasi pemasaran dan keusahawanan, kursus pemasaran buah-buahan dan kursus mengenai pemasaran ternakan.

Kawalan Pasaran

Program kawalan pasaran telah menghasilkan RM1.027 juta kepada FAMA, kebanyakannya dari jualan label, bayaran perkhidmatan, proses permit dan dokumen. Bilangan pelesen di seluruh negara ialah 340 orang pemegang lesen buah, 1751 pemegang lesen kelapa dan 236 pemegang lesen sayur (pelesenan sayur berkuatkuasa di Johor sahaja). Pecahan pemegang lesen ini dari segi bangsa ialah 913 Bumiputera, 1387 Cina dan 47 India. Perantara pasaran yang diberi perkhidmatan terdiri dari pemborong (141 orang), pengilang kopi (125 orang), konsortium kopi (1 orang) dan konsortium kobis (210 orang).

Sebanyak 18 konsortium kobis bulat dan 30 pemegang AP individu kobis bulat dengan kuantiti yang telah diluluskan adalah sebanyak 26,418 tan metrik. Manakala bilangan pemegang AP kopi biji ialah 125 orang dengan kuantiti diluluskan sebanyak 34,949 tan metrik. Sebanyak 3651 permit eksport telah diluluskan meliputi kobis bulat, kopi, bawang merah, bawang putih dan sayur-sayuran. Kegiatan penguatkuasaan telah dijalankan bertujuan untuk melaksanakan peraturan atau rancangan kawalan FAMA seperti mengadakan sekatan jalanraya, pemantauan kobis bulat di pintu keluar-masuk dan pasar, lawatan dan pemeriksaan di premis serta siasatan label.



Pemeriksaan Kualiti Buah-buahan untuk penghantaran eksport

Operasi Anak Syarikat

Anak syarikat FAMA, Kumpulan FAMACO, telah menjalankan aktiviti urusniaga edaran barangan segar melalui FAMA Consortium (M) Sdn. Bhd., pengilangan serbuk kopi melalui Kilang Kopi di Banting dan pengedaran air mineral melalui cawangan FAMACO, Selayang. Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan termasuk bekalan beras kepada kem tentera di Sungai Besi melalui cawangan FAMACO, Alor Setar dan operasi peruncitan melalui sebuah kedai runcit di Gelugor.

